

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]**  
**TARIKH : 17.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian terhadap UiTM yang telah secara tidak langsung menyebarkan kebencian antara agama melalui anjuran seminar yang berlansung pada 6 Mei 2014 bertajuk Kalimah Allah Dan Kristologi Nusantara yang diikuti dengan sesi seminar bertajuk Ancaman Kristianisasi dan 10 Sebab Mengapa Orang Kristian Harus Memeluk Islam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seminar "Kalimah Allah dan Kristologi Nusantara" yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 6 Mei 2014 adalah satu program akademik dan perbincangan ilmiah bagi menerangkan permasalahan kalimah Allah yang menjadi isu dan perbincangan hangat masyarakat. Dalam seminar tersebut, perbincangan dan penjelasan secara ilmiah yang bersifat pro dan kontra selaras dengan budaya intelektual di peringkat pengajian tinggi berkaitan isu ini telah dijalankan dengan harmoni. Oleh itu, fakta dan perbincangan dalam seminar tersebut sepatutnya dilihat secara positif sebagai satu bentuk percambahan minda dan intelektual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di awal program, peserta telah diingatkan bahawa tujuan seminar ini diadakan bukan untuk dicurigai, memperkecilkan agama lain dan bukan untuk menyerang pegangan dan kepercayaan penganut agama lain. Ini

adalah semata-mata bagi pertahankan jati diri umat Islam di Malaysia dan memberi kefahaman kepada penganut agama Islam sendiri yang diselubungi dengan pelbagai kekeliruan seperti isu penggunaan 'Kalimah Allah' dan cabaran serta ancaman yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini demi menjaga kesucian agama Islam.

Seminar ini difokuskan kepada pelajar dan jemputan dalam kalangan masyarakat Islam. Justeru, berdasarkan tajuk dan objektif seminar ini adalah jelas untuk menghurai kekusutan yang berlaku demi kepentingan hal ehwal masyarakat Islam di negara ini secara langsung dan masyarakat bukan Islam secara tidak langsung. Bahkan dapat memahamkan pelajar dan masyarakat seterusnya merapatkan lagi perhubungan antara pelajar dan masyarakat berbilang agama.